

## Pengenalan



Buku ini merupakan garispandu dan maklumat mengenai sistem keselamatan amalan pemandu untuk orang ramai.

Ianya dihasratkan untuk memberi kefahaman mengenai isi kandungan sistem keselamatan amalan pemandu 'S**U**KAP'.

Buku ini adalah perlu bagi rujukan pemandu-pemandu percubaan, berkemahiran dan pemandu-pemandu luar negara yang memandu di Negara Brunei Darussalam.



**Apa dia *Si*KAP?**

*Si*KAP adalah singkatan daripada perkataan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu. *Si*KAP adalah satu sistem di mana mata demerit akan diberikan kepada pemandu yang melanggar peraturan lalulintas dan jalan raya yang boleh membawa kepada penggantungan atau pembatalan lesen memandu tertakluk kepada berat kesalahan yang dilakukan.

Sistem ini adalah merupakan usaha murni kerajaan untuk membuat langkah-langkah pembaikan "*corrective measure*" dan bukannya untuk menyusahkan pemandu-pemandu di Negara ini. Sebaliknya ianya dihasratkan dapat mendorong pemandu supaya mengamalkan sikap pemanduan yang lebih berhemah dan berhati-hati semasa berada di jalan raya.



**Tujuan *Si*KAP diperkenalkan**

Sistem ini diperkenalkan adalah untuk memastikan pemandu di Negara ini memandu kenderaan dengan lebih berdisiplin, berhati-hati dan mematuhi setiap peraturan lalulintas yang ada. Melalui sistem ini, pihak penguatkuasa akan dapat mengenalpasti pemandu yang berisiko tinggi dan mempunyai sikap pemanduan yang sering melanggar peraturan-peraturan jalan raya yang boleh menyebabkan kemalangan. Dengan adanya sistem ini, ianya akan dapat meningkatkan dan seterusnya mengwujudkan persekitaran pemanduan di jalan raya yang lebih selamat bagi semua pengguna jalan raya.

## ***"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"***

### **Bagaimana Pelaksanaan SÍKAP?**

Setiap kesalahan lalulintas yang berhubungkait dengan **sikap pemandu** akan dibahagikan kepada sembilan (9) kategori mata demerit iaitu 3, 4, 6, 8, 9, 12, 18, 21 dan 24 mata demerit.

Setiap kategori di susun mengikut berat kesalahan.



### **Sasaran SÍKAP?**

**SÍKAP** tidak mengecualikan mana-mana pemandu. Ianya disasarkan kepada pemandu-pemandu di bawah percubaan (*probationary drivers*), pemandu-pemandu yang berkemahiran (*qualified drivers*) dan pemandu-pemandu luar Negara yang memandu di Negara Brunei Darussalam.



**Bagaimana SIKAP dijalankan?**

Bagi **pemandu dalam percubaan (probationary driver)** yang membuat kesalahan dengan mengumpul 13 mata demerit atau lebih dalam tempoh 12 bulan selepas mendapat lesen memandu, denda dikenakan adalah seperti berikut :

- i. Lesen dibatalkan selama satu (1) tahun.*
- ii. Dimestikan mengulang ujian memandu bagi mendapatkan lesen memandu baru.*
- iii. Tidak boleh belajar dan menempah ujian dalam tempoh pembatalan.*

Sementara bagi **pemandu yang berkemahiran (qualified driver)** yang membuat kesalahan dengan mengumpul 24 mata demerit atau lebih dalam tempoh 24 bulan, denda dikenakan adalah seperti berikut :

- i. Lesen akan digantung kali pertama bagi tempoh 3 bulan.*
- ii. Dimestikan menyerahkan lesen ke Jabatan Pengangkutan Darat.*

Jika pemandu yang sama mengumpul 12 mata demerit atau lebih selepas tarikh akhir penggantungan kali pertama dalam tempoh 12 bulan seterusnya, denda dikenakan adalah seperti berikut :

- i. Penggantungan kali kedua (2) selama 6 bulan.*
- ii. Dimestikan menyerahkan lesen ke Jabatan Pengangkutan Darat.*

Sekiranya pemandu yang sama mengumpul 12 mata demerit atau lebih selepas tarikh akhir penggantungan kali kedua dalam tempoh dua belas (12) bulan seterusnya, denda dikenakan adalah seperti berikut :

- i. Pembatalan lesen selama satu (1) tahun.*
- ii. Tidak boleh belajar dan menempah ujian memandu dalam tempoh pembatalan.*
- iii. Dikehendaki mengulang ujian memandu untuk mendapatkan lesen baru.*

## **"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

### **Insentif dalam SÚKAP?**

Jika pemandu mempunyai rekod pemanduan yang bersih selama dua belas (12) bulan dari tarikh terakhir menerima mata demerit, semua mata demerit akan dihapuskan daripada catatan (Rekod) di dalam sistem.

Manakala pemandu yang digantung lesen yang mempunyai rekod pemanduan yang bersih selama 24 bulan dari tarikh terakhir penggantungan lesen, semua catatan mata demerit yang dikumpulkan akan dihapuskan.

Selain itu, jika pemandu yang digantung lesen menghadiri kursus singkat satu (1) hari di Jabatan Pengangkutan Darat, tempoh penggantungan akan dikurangkan seperti berikut :

- i. 3 bulan kepada 1 bulan ; dan
- li. 6 bulan kepada 3 bulan.



Sementara pemandu yang mempunyai rekod memandu yang bersih selama 3 tahun berturut-turut, pemandu ini akan menerima pengurangan 5% insurans premium di samping 'Non Claim Bonus' (NCB).

Lain-lain bentuk insentif yang diberikan ialah penggantungan lesen kali pertama boleh ditunda ke suatu tempoh tertakluk kepada perkara berikut :

- i. Kesalahan tidak berkaitan dengan kemalangan jalan raya.
- li. Lulus dalam ujian ulangan (sehari) teori dan amali.



## **JADUAL KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH SIKAP**

### **3 Mata Demerit**

- Membawa muatan dengan bahaya ATAU muatan jatuh dari kenderaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain
- Kenderaan ditinggalkan tanpa mematikan enjin dan/atau brek tidak dipasang yang boleh menyebabkan kenderaan bergerak dan membahayakan
- Gagal memasang lampu depan kenderaan antara matahari terbenam dan matahari terbit
- Gagal memandu di lorong sebelah kiri jalan raya kecuali hendak memotong kenderaan lain atau membelok ke kanan
- Gagal memberi laluan kepada kenderaan ambulans, bomba atau polis
- Meletak kenderaan secara membahayakan atau di tempat yang tidak dibenarkan
- Membelok atau berhenti tanpa isyarat

### **4 Mata Demerit**

- Berhenti di petak kuning dan menghalang laluan trafik
- Memandu kenderaan tanpa kebenaran pemilik

### **6 Mata Demerit**

- Memandu kenderaan dengan tayar botak
- Memasang lampu merah di bahagian DEPAN kenderaan
- Memasang lampu putih di bahagian BELAKANG kenderaan selain daripada lampu "reverse"
- Memasang lampu-lampu warna lain selain warna putih di DEPAN kenderaan
- Tidak mematuhi arahan isyarat polis lalulintas

## ***"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"***

- Memandu tanpa lesen kenderaan yang sah
- Memandu tanpa lesen memandu yang sah
- Tidak mematuhi tanda-tanda lalulintas atau lampu trafik

### **8 Mata Demerit**

- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan sehingga 30km/jam

### **9 Mata Demerit**

- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 30km/jam sehingga 40km/jam
- Tidak memakai topi keledar atau tidak memasangnya dengan betul
- Kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar
- Kegagalan pemandu memastikan penumpang di tempat duduk hadapan memakai tali pinggang keledar
- Lumba haram atau menguji kelajuan di jalan raya atau tempat awam
- Menggunakan kenderaan persendirian untuk tujuan perniagaan tanpa lesen atau permit yang sah
- Memandu kenderaan komersial atau kenderaan pengangkutan awam melebihi had maksima penumpang yang dibenarkan

### **12 Mata Demerit**

- Gagal berhenti dan memberi laluan kepada pejalan kaki apabila mendekati laluan zebra
- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 40km/jam sehingga 50km/jam
- Memandu dengan cuai
- Menggunakan telefon bimbit semasa memandu

## 18 Mata Demerit

- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 50km/jam sehingga 60km/jam
- Memandu di bawah pengaruh minuman keras atau dadah
- Memandu dengan bahaya

## 21 Mata Demerit

- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 60km/jam

## 24 Mata Demerit


- Memandu dengan bahaya yang menyebabkan kematian

## Peraturan-peraturan yang mengawal pelaksanaan **SUKAP**

- Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggalaan 68)
- Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Mata Demerit), 2013
- Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Lintasan Pejalan Kaki), 2002
- Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Penjaga Lintasan Sekolah), 2006
- Peraturan-Peraturan Motorsikal (Topi Keledar), 1977
- Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar), 1988




*"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"*




***ILUSTRASI***  
***Aliran Proses dan Carta Proses***  
**SUKAP**



Aliran Proses **SiKAP**




Carta Aliran SÚKAP




Carta Aliran **SUKAP**




Carta Aliran **SUKAP**



Carta Aliran **SUKAP**



Carta Aliran **S**UKAP



*"KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"*



- Pemandu Percubaan - 13 MD (dalam tempoh 12 bulan)  
Pemandu Berkemahiran - 24 MD (dalam tempoh 24 bulan)

**Nota :**

Pemandu yang menggunakan lesen negara lain akan ditegah daripada memandu di jalan raya Brunei selepas mengumpul 24 Mata Demerit.



**Penyebab-penyebab kemalangan jalan raya :**

- Menggunakan telefon bimbit semasa memandu.
- Menghantar pesanan ringkas semasa memandu.
- Mengekori kenderaan terlalu dekat.
- Memandu laju.
- Memandu secara melulu.
- Melanggar lampu isyarat.
- Memotong secara merbahaya.
- Bertukar lorong tanpa menghiraukan pengguna lain.
- Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman keras dan dadah.

# Driving Tips



**FASTEN YOUR SAFETY BELT  
AT ALL TIMES**



**WEAR YOUR HELMET  
WHEN BIKING**



NOT EXCEEDING THE  
SET SPEED LIMIT

NO MOBILE PHONE  
WHILE DRIVING

OBEY  
TRAFFIC LIGHT



[www.bruneiroadsafety.org.bn](http://www.bruneiroadsafety.org.bn)

